

Topik 2: Perbezaan di antara Kesetiaan kepada Allah dengan Kebijaksanaan Para Ulama dan Bomoh di Dunia

Jika ada diantara saudara-mara anda yang miskin sakit tenat, adakah mereka akan berjumpa kepada bomoh untuk mendapatkan rawatan? Penggunaan pekerjaan sihir mempunyai sejarah yang panjang, iaitu sebelum adanya Islam, Buddha, dan Kristian. Ia digunakan secara meluas di Babilon dan sehingga kini masih lagi digunakan oleh orang Melayu secara umum di Malaysia dan Indonesia.

Kisah Daniel telah membuktikan bahawa alhi sihir tidak dapat mencapai keinginan mereka apabila adanya kuasa Allah.

Daniel menjawab, katanya kepada raja: "Rahsia, yang ditanyakan tuanku raja, tidaklah dapat diberitahukan kepada raja oleh orang bijaksana, ahli jampi, orang berilmu atau ahli nujum. Tetapi di sorga ada Allah yang menyingkapkan rahsia-rahsia; Dia telah memberitahukan kepada tuanku raja Nebukadnezar apa yang akan terjadi pada hari-hari yang akan datang. (Daniel 2:27, 28)

Bahkan sebelum zaman nabi Daniel, kembali pada zaman nabi Musa, kuasa ahli sihir berlawanan dengan pesuruh Allah. Manusia sering berhadapan untuk membuat pilihan sama ada mempercayai kuasa ajaib dari manusia atau kuasa pesuruh Allah.

Kemudian Firaunpun memanggil orang-orang berilmu dan ahli-ahli sihir; dan mereka pun (ahli sihir dari Mesir) membuat perkara yang serupa juga dengan menggunakan ilmu mantera mereka sehingga Firaun berkeras hati dan dia tidak mau mendengarkan apa yang telah difirmankan TUHAN kepadanya. (Keluaran 7:11, 22, Ditulis oleh Musa pada abad ke - 15 SM)

Sehingga kini, masih ada golongan yang hebat di mata dunia menolak Allah. Mereka meragui kewujudan Allah. Mereka berkelakuan seperti iman adalah suatu kebodohan. Nabi Allah telah meramalkan bahawa golongan ini akan wujud sebelum akhir zaman.

Yang terutama harus kamu ketahui ialah, bahwa pada hari-hari zaman akhir akan tampil pengejek-pengejek dengan ejekan-ejekannya, yaitu orang-orang yang hidup menurut hawa nafsunya. Kata mereka: “Di manakah janji tentang kedatangan-Nya itu? Sebab sejak bapa-bapa leluhur kita meninggal, segala sesuatu tetap seperti semula, pada waktu dunia diciptakan.” Mereka sengaja tidak mau tahu, bahwa oleh firman Allah langit telah ada sejak dahulu, dan juga bumi yang berasal dari air dan oleh air. (2 Petrus 3:3-5, ditulis pada abad pertama AD)

Apabila nabi Daniel berdoa, dia diberi pengetahuan yang lebih besar daripada pekerja sihir, dan jauh lebih besar daripada guru ahli falsafah. Itu bukanlah disebabkan kerana dia mempunyai IQ yang tinggi daripada mereka. Malahan dia juga dapat meramalkan apa yang akan terjadi pada 25 abad yang akan datang.




Illustration of Daniel 2

Daniel melihat mimpi yang telah dimimpi oleh Nabukadnezar. Mimpi itu menampilkan imej emas, perak, gangsa, dan besi yang hebat. Semasa dia melihat, batu besar jatuh dari langit lalu memusnahkan imej itu. Dengarkan mimpi dalam perkataan nabi sendiri:

“Ya raja, tuanku melihat suatu penglihatan, yakni sebuah patung yang amat besar! Patung ini tinggi, berkilau-kilauan luar biasa, tegak di hadapan tuanku, dan tampak mendahsyatkan. Adapun patung itu, kepalanya dari emas tua, dada dan lengannya

dari perak, perut dan pinggangnya dari tembaga, sedang pahanya dari besi dengan kakinya sebagian dari besi dan sebagian lagi dari tanah liat. Sementara tuanku melihatnya, terungkit lepas sebuah batu tanpa perbuatan tangan manusia, lalu menimpa patung itu, tepat pada kakinya yang dari besi dan tanah liat itu, sehingga remuk. Maka dengan sekaligus diremukkannya juga besi, tanah liat, tembaga, perak dan emas itu, dan semuanya menjadi seperti sekam di tempat pengirikan pada musim panas, lalu angin menghembuskannya, sehingga tidak ada bekas-bekasnya yang ditemukan. Tetapi batu yang menimpa patung itu menjadi gunung besar yang memenuhi seluruh bumi.” (Daniel 2:31-35)

Apakah maksud mimpi ini? Nabi menjawab soalan itu, jadi kita tidak perlu mempercayai apa yang dikatakan oleh guru lain akan tafsiran mimpi ini. Malah, mimpi itu sangat berkaitan dengan orang Melayu hari ini.

Inilah mimpi itu; dan kami akan menjelaskan erti mimpi itu kepada raja. Tuanku, ya raja, adalah raja atas segala raja: kerana Tuhan di syurga telah memberikan kerajaan, kuasa dan kekuatan, dan kemuliaan kepada tuanku. (Daniel 2:36-37).

Jadi kerajaan Babilon berada di puncak pengaruhnya pada masa itu, dan di tanah yang kini Irak, adalah kepala emas.

Tetapi sesudah tuanku akan muncul suatu kerajaan lain, yang lebih kecil dari kerajaan tuanku; kemudian muncul lagi kerajaan lain, iaitu yang ketiga, dari tembaga, yang akan berkuasa di atas seluruh bumi. (Daniel 2:39)

Jika anda pernah mempelajari sejarah sebelum ini, anda tahu bahawa pahlawan dari zaman purba Persia, Cyrus, telah menakluki Babilon. Dada patung yang bersalutkan perak itu melambangkan kerajaan Persia. Dua abad kemudian, Alexander the Great akhirnya mengalahkan Persia lalu memberi laluan kepada pemerintahan Grecia (Yunani).

Roma muncul selepas kerajaan Yunani dan digambarkan oleh Daniel sebagai kerajaan Besi.

Dan kerajaan yang keempat akan menjadi kuat seperti besi: kerana besi meremukkan dan menghancurkan segala sesuatu; dan sebagai besi yang menghancurkan, demikianlah kerajaan ini juga akan meremukkan dan menghancurkan semuanya. (Daniel 2:40)

Sesungguhnya, Roma menguasai tanah yang dimiliki oleh ratusan puak dan etnik, dari Great Britain hingga Afrika Utara dan ke Timur Tengah. Orang-orang Roma percaya bahawa tuhan pagan mereka, Jupiter, telah memberikan mereka sebanyak mungkin kawasan yang dapat mereka takluki dalam masa yang singkat.

Tetapi paganisma di Roma telah berubah sekitar 1700 tahun yang lalu apabila pemimpinnya menerima sebahagian dari ajaran nabi. Namun mereka menolak sebahagian besar dari ajaran nabi yang benar. Paganisma di Roma telah mencampuraduk ajaran nabi dan pagan dan agama ini dikenali sebagai Roman Katolik. Perkara ini berlaku semasa Roma memasuki negeri kecil dan pada akhirnya menjadi kuasa Eropah.

Dan seperti tuanku lihat kaki dan jari-jarinya sebagian dari tanah liat tukang periuk dan sebagian lagi dari besi, itu bermaksud, bahwa kerajaan itu terbahagi; memang kerajaan itu juga keras seperti besi, sesuai dengan yang tuanku lihat besi itu bercampur dengan tanah liat. (Daniel 2:41)

Daniel telah menunjukkan bahawa negara-negara Eropah tidak lagi akan membentuk satu kerajaan. Dia melihat bahawa mereka akan mencuba (tetapi gagal) untuk menyatukan empayar mereka dengan perkahwinan keluarga diraja.

Tetapi sebagaimana jari-jari kaki itu sebagian dari besi dan sebagian lagi dari tanah liat, demikianlah kerajaan itu akan menjadi keras sebagian dan rapuh sebagian. Seperti tuanku lihat besi bercampur dengan tanah liat, itu bererti: mereka akan bercampur melalui perkawinan, tetapi tidak akan dapat bersatu, sama seperti besi tidak akan dapat bercampur dengan tanah liat. (Daniel 2:42)

Ramalan yang tepat akan perkara yang akan terjadi pada dua rinu akan datang tidak dapat dijelaskan tanpa adanya kuasa Allah.

Tetapi apakah yang akan menyusul selepas kuasa di negara Eropah dan juga kuasa yang berpengaruh di atas dunia sekarang ini? Kita akan mengetahuinya pada artikel yang seterusnya.